

MEMOTIVASIKAN PELAJAR AGAR RAJIN BELAJAR

Oleh AMINUDIN MANSOR

MASA hadapan seseorang pelajar banyak bergantung pada pencapaian dalam pelajaran. Ilmu dan kemahiran sangat penting dalam menentukan arah tuju dan kecemerlangan hidup seseorang dalam bidang pekerjaan.

Namun demikian, untuk mendapat ilmu dan belajar memerlukan rangsangan dan motivasi yang tinggi.

Kini, ibu bapa menghadapi pelbagai masalah dengan anak atau pelajar yang terpengaruh dengan internet. Gaya hidup pelajar yang hanya mementingkan permainan yang disajikan melalui internet telah mempengaruhi pelajar sehingga menyebabkan mereka sukar menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Pada hakikatnya, pelajaran itu lebih penting dan menjamin masa depan.

Islam selalu menasihatkan ibu bapa supaya selalu memberikan teguran, nasihat, bimbingan, dan larangan bagi perkara yang melalaikan anak yang sedang belajar. Pemantauan haruslah dilakukan setiap masa.

Jika perlu, anak yang sedang belajar dihadkan masa mereka, misalnya hanya satu jam atau dua jam, untuk melayari internet. Oleh itu, sebagai anak dan pelajar mestilah mendengar nasihat dan teguran daripada ibu bapa yang tentunya

menjurus ke arah kebaikan. Untuk mewujudkan keluarga yang bermotivasi dan berprestasi tinggi memerlukan komitmen daripada kedua-dua ibu bapa.



Guru seharusnya mampu memotivasi pelajar agar rajin belajar.

Walau bagaimanapun, tidak semua ibu bapa mempunyai ilmu dan pengalaman dalam bidang motivasi, khususnya yang berkaitan dengan motivasi kepada anak yang sedang belajar. Sebagai pelajar, seseorang itu mesti mengetahui hal yang berhubungan dengan motivasi.

Motivasi amat berkaitan rapat dengan sikap dalaman seseorang insan untuk menguasai bidang ilmu dan pekerjaan. Ibu bapa dan guru seharusnya menggalakkan anak atau pelajar mereka belajar dalam suasana yang selesa dan kondusif sama ada di rumah ataupun di sekolah.

Salah satu definisi motivasi ialah

kuasa dalaman yang mendorong seseorang insan itu melakukan sesuatu perkara yang mempengaruhi kelakuan seseorang anak itu dalam menghadapi pelajaran. Motivasi dapat juga dikaitkan dengan nilai dan kepercayaan yang ada pada anak atau pelajar yang menentukan perlakuan mereka dalam melaksanakan tugasnya sebagai pelajar.

Motivasi juga penting untuk pelajar yang sememangnya diamanahkan supaya belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran. Suasana belajar di rumah mestilah sentiasa diwujudkan dengan menyediakan bilik khas.

Oleh hal yang demikian, pelajar harus selalu diingatkan dengan kata-kata: "Jika anda belajar dengan bersungguh-sungguh, anda akan mencapai kejayaan cemerlang dan pastinya, anda akan mendapat kerja yang baik dengan gaji yang lumayan pada masa depan."

Di samping itu, sebagai pelajar mestilah sentiasa yakin dengan diri sendiri setelah berusaha bersungguh-sungguh. Ibu bapa bertanggungjawab memotivasi anak mereka, bukan untuk menjadi pakar motivasi. Sementara itu, anak sebagai pelajar sentiasalah berusaha meningkatkan motivasi diri dan tidak menghampakan harapan ibu bapa.



Dalam kehidupan harian, pelajar seharusnya memahami bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik penting untuk kejayaan dalam bidang pelajaran. Motivasi intrinsik merujuk perasaan dalaman dan kekuatan dorongan individu. Contohnya, ibu bapa dapat merangsang anak mereka belajar dengan sendiri untuk mencapai cita-cita dan impian diri.

Perlu diingat bahawa motivasi intrinsik ialah motivasi yang berkaitan dengan kecenderungan dan dorongan dalaman pelajar yang membuatkan seseorang itu belajar dengan bersungguh-sungguh, yakin, dan gigih untuk mencipta kegemilangan.

Setiap pelajar mestilah belajar bersungguh-sungguh dengan motivasi dalaman dan luaran diri sehingga mencapai kejayaan. Ibu bapa juga boleh menjadi pembimbing dan pakar rujuk anak dalam bidang yang diketahui mereka.

Sementara itu, motivasi ekstrinsik merujuk pemberian ganjaran atau hadiah jika seseorang anak atau pelajar itu dapat mencapai keputusan cemerlang seperti 5A dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) atau 9A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau 11A+ atau lebih dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan peperiksaan yang lain.

Ganjaran atau hadiah yang diberikan tidak semestinya wang ringgit. Yang paling baik ialah ganjaran atau hadiah yang diinginkan oleh seseorang yang tentunya boleh membawa kebaikan dan

kejayaan kepada penerimanya, bukan yang melalaikan. Yang lebih penting lagi, ganjaran yang diterima seterusnya dapat mencipta atau mencetuskan kejayaan yang lebih cemerlang kepada pelajar pada masa akan datang.

Jelaslah, motivasi ekstrinsik ialah sumber motivasi yang dibekalkan melalui



faktor luaran. Memotivasi pelajar secara intrinsik dan ekstrinsik hanya berkesan apabila dijalankan berdasarkan pencapaian dan prestasi pelajar dalam pelajaran. Hubungan sesama manusia, iaitu ibu bapa dan anak, sangat penting dengan aktiviti motivasi yang dapat dilakukan pada bila-bila masa, misalnya semasa makan, bermain dan pada hari minggu.

Tokoh motivasi Barat, Mitchell, mendefinisikan motivasi sebagai proses psikologi yang dapat membangkitkan keinginan, menyediakan haluan, dan memastikan ketabahan dalam tindakan secara sukarela bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Bagi mencapai matlamat memotivasi pelajar, ibu bapa mestilah menjalinkan hubungan yang baik dengan anak mereka. Mereka mestilah dapat meluahkan perasaan, cita-cita, dan kemahuan melalui perbualan dua hala. Keadaan ini akan dapat mewujudkan persefahaman, perkongsian haluan, di samping dapat menghayatinya bersama-sama. Bagi mengatasi masalah dalam mata pelajaran yang agak lemah, pelajar boleh berbincang

dengan ibu bapa dengan mengadakan latihan intensif melalui buku latihan terbaru dalam pasaran untuk dilakukan oleh anak sebagai contoh dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Hal ini amat berkesan jika dilakukan oleh pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR dan PMR kerana peperiksaan ini masih menggunakan soalan objektif. Bagi peperiksaan SPM, bentuk ulang kaji lebih kepada membaca dan membuat nota.

Perlu diingat, apa-apa yang dipelajari, sama ada di rumah dan di sekolah dengan mengikut sukatan pelajaran terbaru, semuanya akan disoal dalam peperiksaan berkenaan bagi menguji kefahaman dan ingatan pelajar. Memetik kata-kata ahli motivasi, Robbins, motivasi mempunyai kuasa untuk membangkitkan, mendorong, dan mempengaruhi kelakuan seseorang ketika bertindak.

Peribahasa Melayu juga ada yang dapat dijadikan motivasi, antaranya, "Menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna", "Usaha tanpa kejayaan", dan "Genggam bara api biar sampai jadi arang". Hal tersebut sepatutnya selalu diterangkan dan menjadi pegangan bagi pelajar yang sedang belajar pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Lantaran itu, motivasi mestilah dilakukan dengan kadar usaha yang berterusan untuk menggalakkan seseorang itu agar belajar bersungguh-sungguh. Di samping itu, pelajar juga mestilah menerapkan sikap istiqamah, iaitu kesungguhan yang berterusan dan tekad dalam melaksanakan sesuatu usaha demi menempa kejayaan.

Seterusnya, hala tuju dan matlamat yang jelas mestilah ada dalam diri setiap pelajar. Setiap pelajar juga mestilah faham dan dijelaskan tentang hala tuju mereka dalam pelajaran dan cita-cita. Matlamat hanya dapat dicapai apabila hala tuju tersebut jelas bagi pelajar bagi merealisasikan cita-cita untuk lahir sebagai pelajar yang cemerlang dalam pelajaran, yang dapat dijadikan bekalan di dunia dan akhirat. ☪



Bapa boleh membantu anak mereka mengulang kaji pelajaran di rumah.